

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KAFETERIA DI BANGUNAN MAJLIS SUKAN NEGARA, BUKIT JALIL

1. Pihak pembekal dikehendaki mencadangkan dan menyenaraikan semula kemudahan dan perkhidmatan yang bakal ditawarkan untuk keselesaan pelanggan
2. Cadangan menu dilampirkan bagi makanan dan minuman, menu tambahan lain boleh ditambah mengikut syarikat masing-masing.
3. Setiap menu makanan yang disenaraikan hendaklah disertakan dengan harga yang berpatutan dan bersesuaian
4. Menyatakan harga sewaan yang ditawarkan pada borang sebutharga (Borang IV)
5. Pihak pembekal bolehlah membuat lawatan bagi mendapatkan panduan dan gambaran keseluruhan keadaan kantin Majlis
6. Pihak pembekal dikehendaki membayar deposit sewaan sebanyak dua (2) bulan mengikut ketetapan oleh Majlis, utiliti bil elektrik dan air sekiranya berjaya
7. Pihak pembekal dikehendaki membuat suntikan Imunisasi (*Typhoid*) kepada pengendali makanan untuk tempoh tiga (3) tahun sekali
8. Jumlah pekerja hendaklah mencukupi dan pengusaha hendaklah menyelia bagi menentukan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna.
9. Pengusaha kantin dikehendaki menjalankan perniagaan pada setiap hari bekerja bermula jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari (Isnin hingga Jumaat).

- 10. Pengusaha kantin dikehendaki menyediakan pekerja yang mencukupi untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan memastikan supaya Ahli Jawatankuasa Kantin yang mengawasi berpuas hati dengan tahap penjagaan kebersihan dan kekemasan kantin.**

- 11. Pekerja yang diambil bekerja oleh pengusaha kantin yang bukannya Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit kerja yang sah. Pekerja-pekerja yang bertugas mestilah lulus pemeriksaan kesihatan dari Pejabat Kesihatan.**

- 12. Pengusaha kantin perlu mempunyai peralatan dan perkakas yang lengkap untuk mengusahakan kantin seperti peti ais, pinggan mangkuk dan lain-lain keperluan.**

- 13. Pengusaha kantin wajib memastikan pekerja bahan jualan, peralatan serta persekitaran kantin dan kawasan dapur (memasak) sentiasa berkeadaan bersih sepanjang masa.**

- 14. Pengusaha kantin perlu memastikan setiap hari tamat menjalankan operasi, kantin dalam keadaan bersih dan selamat.**

- 15. Pengusaha kantin hendaklah juga sentiasa mempunyai daya motivasi yang tinggi dalam mengindahkan persekitaran kantin supaya menjadi tarikan kepada pelanggan.**